

Perjuangan mereka hanya hendak tegak 'kedaulatan rambut panjang'

Dr. M bidas lagi pertubuhan pelajar

MING GU 11 APR 1976

"tidak sihat"

KELANG 10 April — Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas setengah golongan pertubuhan pelajar yang berjuang secara tidak sihat seperti menegakkan "kedaulatan rambut panjang".

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini bukan sahaja menjejaskan pelajaran mereka sendiri bahkan mengganggu beribu orang lagi pelajar lain, semata-mata kerana kepentingan "perjuangan" mereka.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang ke 28 di Kolej Islam di sini pagi ini, Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran berkata:

"Apakah ini menjadi tujuan persatuan penuntut ditubuhkan. Persatuan penuntut ditubuhkan untuk penuntut

tetapi perjuangannya menghalang penuntut sendiri".

Beliau menjelaskan tentang perbezaan perjuangan persatuan-persatuan pelajar dahulu dan sekarang.

Menurut beliau, persatuan pelajar dahulu turut berjuang menentang penjajahan British tanpa menjejaskan pelajaran mereka, "kerana pelajaran merupakan salah satu dari perjuangan mereka".

Sekarang setengah-setengah perjuangan mereka kurang sihat seperti menegakkan kedaulatan rambut panjang.

"Kalau dulu persatuan penuntut bertindak untuk melawan Malayan Union dan menebus kemerdekaan, sekarang ada persatuan penuntut menjadi agresif kerana issue-issue rekaan, kerana kebebasan berpakaian, kerana taraf diri sendiri hendak dinaikkan,

kerana kedaulatan rambut panjang", ujar beliau.

Beliau menasihatkan persatuan-persatuan pelajar berjuang secara sopan dan jujur untuk mencapai matlamat suci mereka.

Katanya, perjuangan tidak semestinya dengan cara-cara yang kotor seperti memburukkan peribadi orang lain, membohong, membuat tuduhan palsu, mengancam dan sanggup memperalatkan apa sahaja termasuk agama.

Tambahnya, mereka yang menyembunyi bila membuat tuduhan adalah orang-orang yang tidak benar.

"Jika ingin membuat tuduhan, buatlah secara terus terang supaya yang dituduh dapat mempertahankan diri. Pejuang yang bacul bukan pejuang yang sebenarnya".

Dr. Mahathir memuji para pemimpin GPMS yang telah menunjukkan kematangan mereka dengan tidak sanggup diseret ke gelanggang dan diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan tidak sihat.

Katanya, tokoh-tokoh lama GPMS yang berjuang dulu tidak pernah bertindak liar. Mereka telah mencapai hasil yang besar dan nama mereka tetap dalam ingatan.

Hal ini harus menjadi renungan para pemimpin GPMS hari ini dan lain-lain pihak yang ingin melihat kemajuan para penuntut.

Beliau berharap GPMS dapat mengekalkan sikap positif dan tidak pernah hilang haluan dalam kegiatan mereka.

Dalam satu upacara setelah perasmian itu, Dr. Mahathir telah menyampaikan dua piala pelajar terbaik GPMS kepada dua orang penuntut yang berjaya mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan SPM dan MCE.